

CABARAN DAN USAHA PENGINTEGRASIAN PENGETAHUAN BUDAYA ARAB DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

(Challenges and Efforts in Integrating Arab Cultural Knowledge Arabic in Language Teaching)

*Yazid Isa¹, Ibrahim Abdullah¹, Mohd Shahzuwan Ahmad Razak¹

Submitted: 19-Nov-2024
Accepted: 04-Dec-2024
Revised: 11-Dec-2024
Published: 28-Dec-2024

¹Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

How to cite:

Isa, Y., Abdullah, I., & Abdul Razak, M. S. (2024). Cabaran dan usaha pengintegrasian pengetahuan budaya arab dalam pengajaran bahasa arab: Challenges and efforts in integrating arab cultural knowledge arabic in language teaching. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 133-142. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.260>

*Corresponding author's email: ibrahim970@uitm.edu.my

This article is licensed under a CC Attribution 4.0

Abstrak

Pengintegrasian pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa sangat penting bagi membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konteks sosial dan budaya yang terdapat dalam bahasa Arab itu sendiri. Akan tetapi, guru bahasa Arab menghadapi cabaran dalam merancang dan melaksanakan pengajaran bahasa Arab yang memfokuskan kepada elemen budaya Arab seperti halangan bahasa, silibus dan latar belakang ekonomi pelajar yang terdiri daripada kepelbagaian latar belakang budaya, etnik dan jantina yang berbeza. Kajian ini bertujuan untuk memperincikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab dan menghuraikan beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh guru bahasa Arab bagi menangani masalah dan cabaran tersebut. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui protokol temu bual separa berstruktur bersama 5 orang pakar bahasa Arab iaitu Pensyarah Institut Pendidikan Guru dan Guru Cemerlang Bahasa Arab (GCBA) di zon tengah Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan antara cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab ialah keterbatasan guru dalam mengajarkan aspek budaya, kekurangan bahan pengajaran budaya dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya. Bagi menangani cabaran ini, beberapa cadangan telah dicadangkan antaranya penghasilan bahan pengajaran yang memfokuskan kepada budaya Arab, latihan pengajaran budaya dalam kalangan guru bahasa Arab dan penganjuran aktiviti dan program berunsurkan budaya Arab di sekolah. Kajian ini dijangka dapat memberikan panduan kepada pihak sekolah, pihak kementerian dan guru bahasa Arab untuk menambah baik kualiti dan amalan pengajaran bahasa Arab melalui pemahaman budaya yang lebih mendalam.

Kata kunci: Integrasi budaya Arab, pengajaran bahasa, cabaran pengajaran budaya

Abstract

The integration of cultural teaching into language instruction is essential for enhancing students' understanding of the social and cultural context embedded in the Arabic language itself. However, Arabic language teachers face challenges in planning and implementing lessons that focus on Arab cultural elements. These challenges include language barriers, curriculum limitations, and students' diverse socioeconomic backgrounds, encompassing various cultural, ethnic, and gender differences. This study aims to detail the challenges faced by teachers in integrating Arab cultural knowledge into Arabic language instruction and to

provide several recommendations that Arabic language teachers can implement to address these issues. The study employs a semi-structured interview protocol involving five Arabic language experts included Lecturer at Institut Pendidikan Guru (IPG) and Guru Cemerlang Bahasa Arab (GCBA) in central Malaysia. The findings indicate that the challenges Arabic teachers encounter in incorporating Arab cultural knowledge include limited teacher capacity to teach cultural aspects, insufficient cultural teaching materials, and students' acceptance of cultural instruction. To address these challenges, several recommendations are proposed, including the development of teaching materials focused on Arab culture, cultural teaching training for Arabic language teachers, and the organization of Arab culture-themed activities and programs in schools. It is hoped that this study will provide guidance for schools, the Ministry of Education, and Arabic language teachers to improve the quality and practices of Arabic language teaching through a deeper cultural understanding.

Keywords: Arab Cultural Integration, Arabic Language Teaching, Cultural Teaching Challenges.

1.0 PENGENALAN

Pengetahuan budaya memainkan peranan penting dalam pengajaran bahasa dengan menyediakan konteks yang mendalam bagi membantu memberikan pemahaman kepada bahasa yang dipelajari secara menyeluruh. Pembelajaran bahasa Arab juga tidak seharusnya melibatkan pembelajaran dari aspek linguistik semata-mata, bahkan ia juga harus melibatkan kompetensi komunikatif antara budaya yang boleh membantu pelajar untuk memahami dan menghargai norma serta nilai yang terdapat dalam budaya lain (Byram, 1997). Ulfiah dan Munir (2022) juga menyatakan pemahaman yang baik terhadap budaya membantu pelajar memahami dengan tepat susunan kalimah dan makna kosa kata sesuai dengan penutur asli bahasa tersebut walaupun mereka tidak memilih untuk meniru tingkah laku penutur asli. (Rashid, Shamem & Wui, 2021).

Namun, pengintegrasian pengetahuan budaya dalam pembelajaran bahasa asing menghadapi cabaran yang perlu diberikan perhatian oleh guru. Antaranya guru berhadapan dengan cabaran seperti halangan bahasa, silibus dan latar belakang sosioekonomi pelajar dalam mengajarkan bahasa dari pelbagai latar belakang budaya, etnik dan jantina yang berbeza yang akan mempengaruhi peranan budaya dalam merancang pengajaran bagi memastikan strategi pengajaran yang digunakan berkesan. (Idrus et al., 2023). Selain itu, kajian Talenta et al., (2023) juga mendapati aspek budaya masih kurang diberikan perhatian dalam pembelajaran bahasa yang memerlukan guru mempergiatkan usaha mereka sendiri untuk merangka strategi bagi berhadapan dengan cabaran ini dan memastikan keberkesanan pengajaran di dalam bilik kelas. (Chen & Yang, 2015; Talenta et al., 2023).

Kajian terdahulu oleh Schulz (2007) dan Byrd et al., (2011) juga menjelaskan bahawa tidak ada kesepakatan dalam kalangan pakar bagaimana budaya harus ditakrifkan dan dinilai secara formal serta tidak ada keutamaan untuk mengajarkan elemen budaya dalam metodologi dan teknik pengajaran dalam konteks kurikulum bahasa asing. Hal ini jelas menunjukkan walaupun budaya memainkan peranan penting dalam pengajaran bahasa, tetapi perkara ini belum diberikan keutamaan dalam mengajarkan bahasa kepada pelajar. Oleh itu, peranan guru untuk memahami budaya dalam pengajaran bahasa asing untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang konsep budaya kepada pelajar agar boleh memupuk aktiviti sosial dan interaktif dalam pengajaran bahasa asing sekali gus dalam membantu mereka meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bahasa tersebut secara berkesan. (Towairesh, 2021; Csilik, 2019).

Justeru itu, kajian ini akan memperincikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dan usaha-usaha yang boleh membantu guru dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab berdasarkan temu bual bersama Pakar Bahasa Arab dan Guru Cemerlang Bahasa Arab. Dengan meneliti cabaran-cabaran dan usaha-usaha ini, kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru menambahbaik amalan pengajaran dan strategi pengajaran yang relevan untuk dilaksanakan dalam pengajaran mereka di bilik kelas. Kajian ini juga penting untuk memberikan kesedaran kepada guru dan pelajar tentang kepentingan pengetahuan budaya Arab dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai satu usaha meningkatkan motivasi pelajar mempelajari bahasa Arab di sekolah.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui pelaksanaan kaedah temu bual untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dalam mengajarkan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab serta usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh guru dalam menghadapi cabaran-cabaran ini. Kaedah temu bual dipilih bagi kajian ini adalah bertujuan membantu pengkaji mendapatkan data yang mendalam dan terperinci daripada peserta kajian berdasarkan pengalaman, perasaan dan pandangan peserta kajian tentang topik kajian. Hal yang sama juga dapat membantu memberikan pemahaman secara menyeluruh mengenai isu yang dikaji berbanding kaedah lain yang lebih terhad (Creswell, 2013; Merriam & Tisdell, 2016).

Sampel kajian yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada lima orang pakar bahasa Arab dari zon tengah Malaysia yang meliputi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Perak. Pakar bahasa Arab dipilih dalam kalangan Guru Cemerlang Bahasa Arab (GCBA) dan Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang bahasa Arab dan terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Justifikasi pemilihan sampel kajian yang mempunyai latar belakang dan bidang yang sama membolehkan pengkaji memastikan keseragaman latar belakang peserta kajian dan konsistensi data berkaitan pengalaman, pengetahuan dan terminologi yang selaras dengan topik kajian. Patton (2015) menjelaskan keseragaman ini membantu mengurangkan variasi dan meningkatkan konsistensi dalam data yang diperolehi.

Proses pengumpulan data dilakukan dengan melaksanakan temu bual separa berstruktur dengan menyediakan panduan soalan asas selari dengan objektif dan persoalan kajian yang perlu dijawab oleh peserta kajian. Ini bertujuan memastikan temu bual dapat dijalankan secara sistematik dan semua aspek dapat dibincangkan bersama peserta kajian (Creswell, 2013). Selain itu, kaedah ini juga memberikan fleksibiliti kepada pengkaji untuk mengemukakan soalan susulan bagi mendapatkan pandangan yang lebih mendalam dan meneroka topik baharu yang relevan dengan kajian semasa temu bual untuk memahami fenomena yang kompleks berdasarkan pengalaman dan perspektif responden secara lebih menyeluruh (Kvale & Brinkman, 2009). Setiap temu bual direkodkan untuk tujuan transkripsi secara verbatim dan disemak semula untuk memastikan ketepatan data dan dianalisis seterusnya.

Proses penganalisisan data yang diperolehi disusun dan dilabel mengikut kod dan tema awal bagi mengenalpasti kata kunci, frasa dan idea yang penting dalam data menggunakan open coding. Seterusnya, kod-kod ini akan dikategorikan kepada tema utama menggunakan analisis tematik (Braun & Clark, 2006) menggunakan perisian Atlas. Ti 8. Triangulasi data dan member checking digunakan

untuk memastikan kesahihan dapatan data dan meningkatkan kebolehpercayaan kajian agar dapat memberikan gambaran secara menyeluruh berkaitan isu yang dikaji.

3.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah serta usaha yang boleh dilakukan untuk menghadapi cabaran ini. Berdasarkan dapatan temu bual dengan Pakar Bahasa Arab dan Guru Cemerlang Bahasa Arab, beberapa tema utama telah dikenalpasti termasuk (1) keterbatasan guru dalam mengajar aspek budaya (2) kekurangan bahan pengajaran budaya dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya Arab. Berikut adalah perbincangan lanjut bagi menghuraikan setiap tema yang muncul daripada dapatan kajian.

3.1 Keterbatasan Guru dalam Mengajarkan Aspek Budaya

Dapatan kajian menunjukkan salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajarkan dan mengintegrasikan budaya Arab dalam pengajaran mereka adalah keterbatasan guru dalam mengajarkan aspek Budaya seperti kurangnya pengetahuan dan pengalaman guru tentang budaya Arab, kepelbagaian budaya, kekangan masa kerana kepadatan jadual dan silibus bahasa Arab. Peserta kajian menyatakan "*cabaran hanya ada pada guru-guru yang tidak pernah berada di negara Arab. Aaa... mereka terpaksa mempelajari dan mengenali budaya Arab melalui media sosial yang ada sebelum menerapkan kepada pelajar*". Selain itu, peserta kajian juga menyatakan "*orang Melayu belajar bahasa Arab tetapi tidak bersama dengan orang Arab, tidak pernah bergaul dengan orang Arab, mereka seolah-olah dipanggil asimilasi. Nak memahami peranan yang lebih khusus bahasa Arab itu agak susah*".

Dapatan daripada pernyataan peserta kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan pengalaman guru dalam budaya Arab menjadi kekangan kepada guru untuk mengintegrasikan budaya Arab dan mereka juga terbatas untuk memasukkan aspek budaya Arab dalam pengajaran mereka. Rohmani & Andriyanti (2022) dalam kajiannya menyatakan, guru percaya tentang kepentingan menerapkan budaya dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar mereka, tetapi kekurangan pengetahuan dan pengalaman guru dalam budaya akan menyebabkan penggunaan masa yang berlebihan dan kecekapan rendah dalam pengajaran budaya. (Mei-Yan, 2010).

Oleh itu, Sungkitsin et al., (2023) menyatakan penggunaan pedagogi berkaitan budaya akan mampu untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman guru tentang pelajar yang berbeza budaya bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih baik. Peningkatan kesedaran, pembinaan kesedaran dan hubungan, pembinaan pengetahuan dan amalan dan pemurnian amalan akan melahirkan guru yang responsif budaya bagi memastikan peningkatan pelajar yang kepelbagaian etnik dan budaya dengan menggunakan ciri budaya, pengalaman dan perspektif mereka sebagai medium untuk mengajar dengan lebih berkesan. (Parkhouse et al., 2023; Gay, 2002).

3.2 Kekurangan Bahan Pengajaran Budaya

Dapatan kajian juga menunjukkan antara cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab adalah kekurangan bahan pengajaran yang relevan dan mencukupi berkaitan budaya

Arab. Kebanyakan guru bahasa Arab terikat dengan bahan sedia ada seperti buku teks bahasa Arab yang digunakan di sekolah-sekolah yang mana buku teks yang digunakan tidak memuatkan aspek-aspek budaya tempatan sahaja berbanding budaya Arab. Salah seorang peserta kajian menyatakan "*bahkan guru-guru sendiri pun dia macam seolah-olah dia terikat dengan contoh-contoh yang teredar dalam buku teks sahaja... hmmm... contoh-contoh yang sedia ada. Sebab itu yang dia pelajari dulu dan diajar balik pada orang dia sendiri pun guru-guru sendiri pun tidak guna perkataan tersebut*". Kekurangan muatan budaya Arab dalam buku teks yang sedia ada di sekolah menjadi salah satu faktor penghalang kepada pelaksanaan pengajaran elemen budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab.

Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Rahal (2020), yang menunjukkan kekurangan bahan pengajaran autentik, pengetahuan budaya, buku teks yang lemah, kurang pendedahan kepada budaya autentik dan gangguan budaya asli menjadi faktor penghalang kepada penguasaan pembelajaran bahasa dalam kalangan penuntut bahasa tersebut. Kekurangan pengintegrasian muatan budaya dalam pengajaran bahasa melalui sumber multimedia dan aktiviti silang budaya akan menyebabkan kecekapan budaya dan kecekapan komunikatif pelajar menjadi rendah dan menurun. (Yan & Jing, 2023; Xue-Jin, 2010).

Oleh itu, penting untuk menggunakan bahan pengajaran budaya sebagai pengantara nilai sosiobudaya, nilai moral dan ideologi untuk mengajar dan membantu pelajar memahami budaya dan menghargai bahasa sasaran untuk berhubung dengan budaya bahasa lain serta dapat membantu pelajar memahami konteks dan kandungan budaya. (Xiong & Peng, 2022; Ifadloh & Yonata, 2023; Muhammadanasovna, 2021). Selain itu, dengan memuatkan kandungan budaya dalam buku teks juga akan dapat membantu meningkatkan kemahiran bahasa, pemahaman budaya dan penghargaan terhadap kepelbagaian serta mewujudkan pelajar yang mempunyai perwatakan dan nilai moral. (Roza, Harya & Algovian, 2021).

3.3 Penerimaan Pelajar Terhadap Pengajaran Budaya

Dapatan kajian juga mendapati antara cabaran yang dihadapi oleh guru ialah penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya Arab. Berdasarkan temu bual bersama pakar bahasa Arab, peserta kajian mengatakan "*sekiranya kurikulum kita memasukkan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia, mungkin aaa... diterima oleh orang-orang Melayu yang beragama Islam sahaja dan aaa... kurang mendapat sambutan pada masyarakat Cina, India dan kaum lain, kecuali dari aspek ekonomi, makanan dan aspek lain yang sesuai untuk diterima pakai*". Pandangan ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar yang terdiri daripada pelbagai masyarakat akan menerima pengajaran bahasa Arab berunsurkan budaya Arab secara keseluruhannya sebagai komponen dalam kurikulum bahasa Arab di Malaysia kecuali beberapa aspek yang boleh diterima pakai sesuai dengan gaya hidup masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia.

Selain itu, pandangan ini juga menjelaskan wujudnya prasangka dan stereotaip iaitu pandangan negatif atau salah faham terhadap budaya Arab terutamanya dalam kalangan masyarakat bukan Islam akibat pengaruh media dan pandangan awam yang menjadi penghalang kepada pelajar untuk melihat kepentingan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab dan mengurangkan minat mereka untuk memahami aspek budaya yang disampaikan oleh guru dalam pengajaran bahasa. Pelajar yang mempunyai pengetahuan tentang budaya Muslim Arab akan lebih bersikap positif manakala pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan akan lebih cenderung mempunyai stereotaip dan sikap prejudis. (Brown et al., 2017).

Oleh itu, guru harus memainkan peranan sebagai pengantara antara pelajar dan kepelbagaian budaya yang terdapat dalam pengajaran bahasa. Guru yang mempunyai pandangan baik tentang kepelbagaian budaya dan strategi serta amalan akan dapat mempromosikan kepelbagaian budaya dan membantu mengurangkan prasangka dalam kalangan pelajar sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan proses memasukkan budaya Arab dalam pendidikan (Abacioglu et al., 2019; Semião et al., 2023). Justeru, pengajaran bahasa Arab di negara bukan Arab harus membangunkan kaedah yang sesuai dan relevan untuk disesuaikan dengan sifat pelajar dalam persekitaran bukan Arab seperti penggunaan filem Arab sebagai media pendidikan dalam mengajar budaya Arab sebagai satu usaha untuk membantu meningkatkan kesedaran tentang stereotaip dan menggalakkan sifat empati dan pemahaman pelajar tentang budaya Arab. (Shamsuddin, 2019; Zahrawi, 2019).

4.0 CADANGAN

Pengajaran bahasa Arab memerlukan kepada pengintegrasian elemen budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab bagi membantu pelajar membangunkan kecekapan budaya, kecekapan tatabahasa, pemahaman makna khusus budaya dan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang senario sebenar tentang budaya masyarakat Arab itu sendiri. (al-Batal, 1988; Eldin, 2015, Lewicka & Waszau, 2016, Bacha & Haley, 2014). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang harus ditangani oleh guru dalam merealisasikan pengintegrasian budaya Arab ini termasuk kekurangan bahan pengajaran budaya, keterbatasan guru mengajarkan aspek budaya dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya. Oleh itu, beberapa cadangan boleh diberikan perhatian bagi mengatasi cabaran ini dan meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab di dalam bilik kelas.

Antara cadangan yang boleh diusahakan ialah guru bahasa Arab harus berusaha untuk memperbanyak bahan pengajaran yang berfokuskan kepada budaya Arab. Kerjasama bersama pihak kementerian atau pusat bahasa untuk menghasilkan modul yang kaya dengan elemen budaya Arab dalam bentuk bahan bercetak atau bahan multimedia. Kandungan budaya dalam bahan pengajaran akan menjadikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan relevan untuk pelajar. (Nurdiana et al., 2023). Selain itu, penghasilan platform pembelajaran atas talian yang mengandungi sumber budaya Arab bahan multimedia interaktif seperti media teks, imej dan audio, program televisyen, video, lagu dan cerita-cerita masyarakat Arab boleh dihasilkan bagi memudahkan guru-guru mengakses dan menggunakan bahan tersebut dalam pengajaran mereka dan dilihat lebih berkesan membantu pelajar memperoleh kemahiran bahasa melalui dan meningkatkan minat pelajar mempelajari bahasa Arab. (Gameel et al., 2015; Tajuddin et al., 2017; Muflihah & Aziz, 2018).

Di samping itu, latihan dan bengkel yang memfokuskan kepada budaya Arab juga penting untuk membantu guru melaksanakan pengintegrasian budaya Arab dalam pengajaran mereka bagi menambahkan pengetahuan budaya Arab dengan lebih mendalam dan mempelajari kaedah serta strategi yang sesuai untuk mengajarkan budaya Arab dalam pengajaran bahasa di bilik kelas. Ini selaras dengan kajian oleh Elgadir et al., (2023) yang menjelaskan kepentingan latihan pengajaran budaya kepada guru yang mengajar pelajar yang bukan penutur asli bagi memastikan komunikasi dan pemahaman yang berkesan tentang nuansa budaya. Selain itu, latihan pengajaran budaya yang merangkumi pengetahuan tentang adat resam, kepercayaan, dan sistem negara lain juga penting bagi

memastikan kejayaan pengajaran bahasa Arab dalam kehidupan sebenar dan situasi yang sahih sesuai dengan budaya masyarakat Arab. (Eldin,2015; Said, 2023).

Seterusnya, sokongan daripada pihak sekolah kepada guru-guru bahasa Arab juga penting bagi membantu guru mengatasi cabaran pengintegrasian budaya Arab dalam pengajaran mereka dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang berunsurkan budaya Arab seperti Hari Kebudayaan Arab dan pertandingan persembahan budaya. Melalui program-program seperti ini, guru dapat memberikan pendedahan kepada pelajar agar mereka dapat merasai pengalaman secara langsung seperti makanan Arab, pakaian Arab, lagu dan muzik Arab. (Bacha & Haley, 2014). Tambahan itu, al- Batal (1988) juga mencadangkan pihak sekolah boleh menjalankan program bersama komuniti masyarakat Arab tempatan dan berkongsi pengalaman budaya mereka bersama pelajar. Aktiviti-aktiviti ini akan membantu pelajar mendapatkan pengalaman langsung berkaitan budaya Arab dan dapat menghubungkan pengetahuan sedia ada yang mereka pelajari di dalam bilik kelas dengan pengalaman yang mereka perolehi melalui aktiviti dan program-program yang telah dijalankan.

Kesimpulannya, peranan guru serta sokongan pihak sekolah dan pihak kementerian harus dipergiat bagi membantu mengatasi cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengintegrasikan pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Penyediaan bahan berunsurkan budaya Arab yang mencukupi, latihan pengajaran budaya dan penganjuran aktiviti dan program berunsurkan budaya Arab dapat diperkaya bagi membantu pelajar membina pemahaman terhadap bahasa Arab dengan lebih mendalam dan meluas seterusnya menjadikan pengajaran bahasa Arab di dalam bilik kelas menjadi menarik dan menyeronokkan

5.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memfokuskan kepada pengintegrasian pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah bagi membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konteks sosial dan budaya Arab. Walaupun terdapat cabaran yang dihadapi oleh guru seperti keterbatasan guru dalam mengajar aspek budaya, kekurangan bahan pengajaran budaya dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya, cadangan yang disarankan seperti penghasilan bahan pengajaran berfokuskan budaya Arab, latihan pengajaran budaya untuk guru bahasa Arab dan penganjuran aktiviti dan program berunsurkan elemen budaya Arab diharapkan dapat membantu menangani cabaran ini untuk memastikan pengajaran bahasa Arab lebih menarik, relevan dan bermakna kepada pelajar. Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan kepada pihak sekolah, pihak kementerian dan guru bahasa Arab untuk menambah baik kualiti dan amalan pengajaran bahasa Arab melalui pemahaman budaya yang lebih mendalam.

6.0 RUJUKAN

- Ahmed, G. A. H. (2015). Towards Utilizing Media Materials in Teaching Arabic. *US-China education review*, 5, 194-204. <https://doi.org/10.17265/2161-623X/2015.03.003>.
- Abacioglu, C., Zee, M., Hanna, F., Soeterik, I., Fischer, A., & Volman, M. (2019). Practice what you preach: The moderating role of teacher attitudes on the relationship between prejudice reduction and student engagement. *Teaching and Teacher Education*. <https://doi.org/10.1016/J.TATE.2019.102887>.

- Al-Batal, M. (1988). Towards Cultural Proficiency in Arabic I. *Foreign Language Annals*, 21, 443-453. <https://doi.org/10.1111/J.1944-9720.1988.TB01093.X>.
- Bacha, M., & Haley, M. (2014). Mediating Cultures between and among Arabic Teachers. *Theory and Practice in Language Studies*, 4, 1319-1326. <https://doi.org/10.4304/TPLS.4.7.1319-1326>.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Brown, C., Ali, H., Stone, E., & Jewell, J. (2017). U.S. Children's Stereotypes and Prejudicial Attitudes toward Arab Muslims. *Analyses of Social Issues and Public Policy*, 17, 60-83. <https://doi.org/10.1111/ASAP.12129>.
- Byram, M. (1997). *Teaching and Assessing Intercultural Communicative Competence*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Byrd, D., Hlas, A., Watzke, J., & Valencia, M. (2011). An Examination of Culture Knowledge: A Study of L2 Teachers' and Teacher Educators' Beliefs and Practices. *Foreign Language Annals*, 44, 4-39. <https://doi.org/10.1111/J.1944-9720.2011.01117.X>.
- Byrd, D., Hlas, A., Watzke, J., & Valencia, M. (2011). An Examination of Culture Knowledge: A Study of L2 Teachers' and Teacher Educators' Beliefs and Practices. *Foreign Language Annals*, 44, 4-39. <https://doi.org/10.1111/J.1944-9720.2011.01117.X>.
- Chen, D., & Yang, X. (2015). Culture as the Core: Challenges and Possible Solutions in Integrating Culture into Foreign Language Teaching. *Journal of Language Teaching and Research*, 7, 168-177. <https://doi.org/10.17507/JLTR.0701.19>.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). Sage.
- Csillik, É. (2019). Intercultural Challenges of Teaching in Multilingual/Multicultural Classrooms. *Intercultural Foreign Language Teaching and Learning in Higher Education Contexts*. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-8128-4.CH001>
- Eldin, A. (2015). Teaching Culture in the Classroom to Arabic Language Students. *International Education Studies*, 8, 113-120. <https://doi.org/10.5539/IES.V8N2P113>.
- Elgadir, I., Zabidin, M., & Nadzir, Z. (2023). Fundamentals and Standards for Preparing Arabic Language Teachers and Their Impact on Teaching Arabic to Non-Native Speakers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i6/17465>.
- Gay, G. (2002). Preparing for Culturally Responsive Teaching. *Journal of Teacher Education*, 53, 106 - 116. <https://doi.org/10.1177/0022487102053002003>.
- Idrus, F., et al. (2023). Exploring preservice teachers' experiences of implementing culturally responsive teaching in the ESL classrooms. *Theory and Practice in Language Studies*, 13(3), 766-776.
- Ifadloh, N., & Yonata, F. (2023). Cultural Knowledge and Values in English Language Teaching Materials: (Multimodal) Representations and Stakeholders[Review]. *Teaching English as a Second or Foreign Language--TESL-EJ*. <https://doi.org/10.55593/ej.27105r2>.
- Kvale, S., & Brinkmann, S. (2009). *Interviews: Learning the Craft of Qualitative Research Interviewing* (2nd ed.). Sage.
- Lewicka, M., & Waszau, A. (2016). Cultural Competence in Teaching Arabic as a Foreign Language. *Universal Journal of Educational Research*, 4, 2750-2760. <https://doi.org/10.13189/UJER.2016.041209>.
- Mei-yan, S. (2010). On Language and Culture Teaching and "Cultural Experience". *Journal of Henan University*.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.

- Muflihah, M., & Aziz, H. (2018). Developing Interactive Multimedia CD-based Teaching Materials for Teaching Arabic Skill at Arabic Education Department of Islamic State University Sunan Ampel Surabaya. *Dinamika Ilmu*. <https://doi.org/10.21093/di.v18i2.1158>.
- Muhammadanasovna, A. (2021). The importance of Teaching Culture as a part of learning Foreign Languages. , 4, 318-321. <https://doi.org/10.31149/IJIE.V4I3.1447>.
- Nurdiana, R., Kumalasari, D., Setiawan, C., & Daroini, S. (2023). Significance of Local Wisdom in Preparing Arabic Teaching Materials. *Tadris Al-'Arabiyyah: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*. <https://doi.org/10.15575/ta.v2i2.26328>.
- Parkhouse, H., Lyn, R., Severson-Irby, E., Drulis, E., Senechal, J., & Lozada, F. (2023). Mapping How Teachers Become Culturally Responsive. *Journal of Teacher Education*, 74, 383 - 397. <https://doi.org/10.1177/00224871231168076>.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice* (4th ed.). Sage.
- Rahal, A. (2020). Cultural Problems in Teaching and Learning of English as a Foreign Language in Tunisia. *Language Learning and Literacy*. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-2551-6.CH015>.
- Rashid, M. H., Shamem, A. S. M., & Hui, W. (2021). The position of culture in English language teaching. *Linguistics and Culture Review*, 6(S2), 43-51. <https://doi.org/10.21744/lingcure.v6nS2.1908>
- Rohmani, L., & Andriyanti, E. (2022). Culture teaching in EFL classes: Teachers' beliefs, attitudes, and classroom practices. *Studies in English Language and Education*. <https://doi.org/10.24815/siele.v9i1.21834>.
- Roza, A., Harya, T., & Algiovan, N. (2021). The Inside of English Textbooks in a City of Education: A Cultural Content Analysis. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 8, 176-185. <https://doi.org/10.18415/IJMMU.V8I3.2412>.
- Said, S. (2023). Teaching Arabic To Non-Native Speakers. *International Journal of Humanities and Educational Research*. <https://doi.org/10.47832/2757-5403.19.10>.
- Schulz, R. (2007). The Challenge of Assessing Cultural Understanding in the Context of Foreign Language Instruction. *Foreign Language Annals*, 40, 9-26.
- Semião, D., Mogarro, M., Pinto, F., Martins, M., Santos, N., Sousa, O., Marchão, A., Freire, I., Lord, L., & Tinoca, L. (2023). Teachers' Perspectives on Students' Cultural Diversity: A Systematic Literature Review. *Education Sciences*. <https://doi.org/10.3390/educsci13121215>.
- Shamsuddin, S. (2019). Problems of Teaching Arabic Language to non-native speakers and its methodological solutions. *Advances in Social Sciences Research Journal*. <https://doi.org/10.14738/ASSRJ.66.6710>.
- Sungskitsin, S., Saenghong, N., Nawarat, N., & Leepreecha, P. (2023). Participatory Action Research to Develop the Art Education Teaching and Learning Management for Student Teachers to Have Multicultural Competence. *Rajabhat Chiang Mai Research Journal*. <https://doi.org/10.57260/rcmrj.2023.261952>.
- Tajuddin, S., Emzir, E., & Muhtarom, N. (2017). The Need of Culture-Based Arabic Reading Materials by Using Multimedia in Higher Education. *Alsinatuna*, 3. <https://doi.org/10.28918/alsinatuna>.
- Talenta, P., Pavita, M., & Amrullah, Y. (2023). Exploring and Reflecting on Problems and Challenges in Teaching Culture for English Young Learners. *Allure Journal*. <https://doi.org/10.26877/allure.v3i2.14010>.

- Towairesh, A. (2021). EFL Students' Awareness of Culture-Specific Words and Concepts: The Challenges and Opportunities for Students in a Saudi Undergraduate English Program. . <https://doi.org/10.31235/osf.io/sq2c9>.
- Ulfiah, U. H., & Munir, M. M. (2022). Korelasi Budaya Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Non Arab. *The Journal of Islamic Studies*, 12(1).
- Xiong, T., & Peng, G. (2022). Culture and Chinese as a Second Language (CSL) Teaching Materials: An Introduction. *International Journal of Chinese Language Teaching*. <https://doi.org/10.46451/ijclt.2022.02.01>.
- Xue-jin, Z. (2010). On Culture Teaching in College English Integrated Course. *Journal of Shaoguan University*.
- Yan, T., & Jing, X. (2023). The Integration of Cultural Content in Chinese Junior High School English Teaching: Effects and Strategies. *English Language Teaching and Linguistics Studies*. <https://doi.org/10.22158/elts.v5n5p157>.
- Zahrawi, S. (2019). Film as a Tool for Teaching Arabic Cultures. *Arab World English Journal For Translation and Literary Studies*. <https://doi.org/10.24093/awejtls/vol3no4.16>